jENDELA iNFO
EDISI 2/2026 | JABATAN PENERANGAN MALAYSIA, SARAWAK

i-Saraan Plus:

Simpanan Persaraan Pemandu e-Hailing dan p-Hailing



Pengenalan

i-Saraan Plus ialah inisiatif caruman sukarela yang diperkenalkan oleh KWSP. Program ini disediakan khas untuk pemandu e-hailing dan p-hailing, membolehkan mereka mendapatkan insentif khas daripada kerajaan bagi menjamin persaraan. Pemberian insentif ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan.

Apakah itu e-Hailing dan p-Hailing?

e-Hailing:

e-hailing merujuk kepada **perkhidmatan pengangkutan penumpang menggunakan kenderaan persendirian.** Tempahan dibuat melalui aplikasi mudah alih elektronik yang menghubungkan pemandu dengan penumpang yang memerlukan pengangkutan.

p-Hailing:

p-hailing merujuk kepada **perkhidmatan penghantaran makanan, minuman, atau bungkusan.** Pesanan diterima melalui aplikasi mudah alih, yang memerlukan **penghantar mengambil barangan daripada vendor dan menghantarnya kepada pelanggan.**

Syarat Kelayakan untuk i-Saraan Plus

Untuk menjadi peserta i-Saraan Plus, individu mesti memenuhi kriteria berikut:

- Warganegara Malaysia.
- Berumur 60 tahun ke bawah.
- Ahli KWSP yang telah berdaftar di bawah i-Saraan.
- Bekerja sebagai pemandu e-hailing dan/atau p-hailing. Caruman KWSP mestilah dibuat melalui penyedia perkhidmatan di bawah sektor e-hailing dan/atau p-hailing.

Imbas untuk keterangan lanjut

Faedah-Faedah i-Saraan Plus

- **Insentif Khas (Sumbangan Tambahan Kerajaan):** Menerima insentif khas sebanyak 20% daripada jumlah caruman sukarela dalam tahun semasa, dengan had maksimum RM600 setahun. Insentif ini tertakluk kepada had seumur hidup RM6,000 atau sehingga mencapai umur 60 tahun (mengikut mana yang lebih dahulu), serta tertakluk kepada terma dan syarat Kerajaan.
- **Dividen Tahunan:** Ahli akan menikmati dividen tahunan yang dibayar atas simpanan persaraan.
- **Bantuan Kematian:** Perlindungan di bawah bantuan kematian akan diberikan, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh KWSP.
- **Pelepasan Cukai:** Ahli boleh menuntut pelepasan cukai, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Sumber: https://www.kwsp.gov.my/ms/ahli/simpanan/i-saraan-plus

Tanggungjawab Penyedia Perkhidmatan

Penyedia Perkhidmatan di bawah sektor e-hailing dan/atau p-hailing **perlu membuat caruman i-Saraan Plus bagi pemandu mereka melalui i-Akaun (Majikan)** untuk **membolehkan pemandu tersebut layak menerima insentif khas sebanyak 20% (sehingga maksimum RM600 setahun)** daripada jumlah caruman sukarela dalam tahun semasa.

Kaedah Pembayaran Caruman

- **Penyedia perkhidmatan** sektor e-hailing dan/atau p-hailing bertanggungjawab membuat bayaran caruman bagi pihak pekerja mereka melalui pautan i-Akaun (Majikan).

- **Peserta i-Saraan Plus** juga dibenarkan untuk membuat caruman secara sukarela menggunakan saluran sedia ada. Ini adalah untuk memastikan mereka dapat memaksimumkan jumlah insentif padanan yang ditawarkan oleh kerajaan.

Had Caruman

- **Minimum:** RM1. Amaun ini tertakluk kepada saluran pembayaran yang digunakan.

- **Maksimum:** RM100,000 setiap tahun. Had maksimum ini adalah jumlah terkumpul bagi semua Caruman Sukarela (iaitu Caruman i-Simpan, Caruman i-Saraan, Caruman i-Saraan Plus, Caruman i-Suri, dan Caruman Penambahan Simpanan Akaun Persaraan) melalui kesemua saluran bayaran.

Cara Menyertai i-Saraan Plus

- Untuk menyertai i-Saraan Plus, **pemandu e-hailing dan/atau p-hailing perlu mendaftar untuk i-Saraan terlebih dahulu.**

- **Penyertaan** dalam **i-Saraan Plus** akan berlaku **secara automatik sebaik sahaja individu membuat bayaran caruman melalui penyedia perkhidmatan di bawah sektor e-hailing dan/atau p-hailing.**

Nota: Pemandu e-hailing dan/atau p-hailing yang telah berdaftar dengan i-Saraan tidak perlu mendaftar sekali lagi.

Borang

- Borang Permohonan Pendaftaran Caruman Sukarela i-Saraan/ i-Saraan Plus/ i-Suri: **KWSP 16G (M)**

- Borang Bayaran Caruman i-Saraan/ i-Suri: **KWSP 6A (2)**

Peringatan Tambahan
Peserta i-Saraan Plus juga dibenarkan untuk membuat caruman sukarela melalui saluran sedia ada bagi memaksimumkan jumlah insentif padanan kerajaan.

Imbas untuk muat turun borang KWSP 16G (M)

Imbas untuk muat turun borang KWSP 6A (2)

